

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1 & 3

Tiada lagi subsidi elektrik, haji untuk T20

Tiada lagi subsidi elektrik, haji untuk T20

Golongan berpendapatan tinggi atau T20 tidak lagi akan menerima subsidi untuk penggunaan elektrik atau menunaikan haji, sebagai langkah awal ke arah pelaksanaan pemberian subsidi bersasar.

Bagaimanapun, penganalisis ekonomi berpendapat Pangkalan Data Utama (PADU) yang akan dibangunkan sebagai sistem penyelarasan data menjelang akhir tahun ini dapat digunakan untuk menentukan golongan yang benar-benar layak mendapat subsidi.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Suraya Ali → Nasional 3

T20 tak lagi terima subsidi elektrik, haji

Sistem PADU siap menjelang akhir tahun bantu selaras penilaian agihan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Golongan berpendapatan tinggi atau T20 tidak akan lagi menerima sebarang subsidi sama ada untuk penggunaan elektrik atau menunaikan haji, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Pangkalan Data Utama (PADU) ini sistem penyelarasan data yang dijangka siap menjelang akhir tahun ini akan menyelaras penilaian agihan subsidi kepada golongan yang layak.

"Kita tidak naikkan kadar elektrik melainkan kepada T20. Untuk T20 sahaja, iaitu (yang ada) rumah besar, tidak akan diberi

subsidi elektrik dan pangkalan data utama PADU akan dapat menyelaraskan semua.

"Bantuan kewangan haji kepada B40 kita tambah, tetapi kepada T20 tidak ada lagi tambahan atau subsidi daripada kerajaan. "Mereka (T20) harus tanggung kos sepenuhnya haji kerana mereka mampu (bayar)," katanya pada sesi soal jawab lisan pada hari pertama persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Hamzah Zainuddin (PN-Larut) yang mahu tahu dasar-baharu dan drastik yang sudah dilaksanakan sejak memimpin Malaysia bagi melonjakkan ekonomi negara dengan mengambil kira risiko penguncupan ekonomi dunia.

Subsidi dengan mengkekalkan tarif (dengan 'subsidi') bagi golongan isi rumah, PKS (perusahaan kecil dan sederhana) serta pengeluar pertanian, tetapi mengurangkan subsidi yang diberikan kepada syarikat pengguna elektrik besar.

"Selain itu, pelaksanaan program ini juga akan dimanfaatkan melalui pembangunan PADU yang menjadi sumber rujukan yang sahih untuk memilih perniagaan yang layak menerima bantuan yang sesuai dengan keperluan," katanya.

Minggu lalu, Anwar berkata, hanya pengguna domistik yang menggunakan elektrik berlebihan akan dikenakan ejar tarif elektrik sasaran dan tidak akan diberikan subsidi.

Ahli Parlimen Tambun itu ber-

kata, pelaksanaannya sama seperti yang dikenakan terhadap jemaah haji.

Mac lalu, Tabung Haji mengumumkan kadar bayaran haji untuk kumpulan B40 kekal pada RM10,980; M40 (RM15,980, peningkatan RM3,000 seorang, berbanding kadar tahun lalu), manakala bayaran penuh sebanyak

buat dengan mengkekalkan tarif (dengan 'subsidi') bagi golongan isi rumah, PKS (perusahaan kecil dan sederhana) serta pengeluar pertanian, tetapi mengurangkan subsidi yang diberikan kepada syarikat pengguna elektrik besar.

"Selain itu, pelaksanaan program ini juga akan dimanfaatkan melalui pembangunan PADU yang menjadi sumber rujukan yang sahih untuk memilih perniagaan yang layak menerima bantuan yang sesuai dengan keperluan," katanya.

Minggu lalu, Anwar berkata, hanya pengguna domistik yang menggunakan elektrik berlebihan akan dikenakan ejar tarif elektrik sasaran dan tidak akan diberikan subsidi.

Ahli Parlimen Tambun itu ber-

kata, pelaksanaannya sama seperti yang dikenakan terhadap jemaah haji.

Mac lalu, Tabung Haji mengumumkan kadar bayaran haji untuk kumpulan B40 kekal pada RM10,980; M40 (RM15,980, peningkatan RM3,000 seorang, berbanding kadar tahun lalu), manakala bayaran penuh sebanyak



Pengecualian dua subsidi kepada T20 bagi melaksanakan pemberian subsidi lebih bersasar.
(Foto ilustrasi)

RM30,850 dikenakan bagi golongan T20.

Klasifikasi B40, M40 dan T20 merujuk kepada kelas pendapatan isi rumah di Malaysia.

Mengikut pengelasan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 2020, B40 mewakili golongan berpendapatan rendah dengan pendapatan bulanan di bawah RM4,850.

M40 adalah kumpulan isi rumah pertengahan dengan pendapatan sei rumah dengan purata bulanan antara RM4,851 hingga RM10,970, manakala T20 adalah kumpulan isi rumah tertinggi penduduk Malaysia dengan pendapatan sei rumah dengan purata bulanan RM10,971 dan ke-

selepas itu, kumpulan isi rumah miskin adalah yang berpendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM2,208 sebulan.

Dalam pada itu, Anwar memaklumkan kerajaan sudah meluluskan RM200 Juta untuk Terengganu bagi kerja pembangunan kerokongan banjir, terutamanya di kawasan tanah di sekitar Tasik Kenyir.

Beliau juga berkata, Pelan Industri Perindustrian Baru 2030 akan diumumkan pada Ogos, sementara kajian separuh penggal Rancangan Malaysia - Ke-12 (RMK12) pada September terakluk kepada keputusan Speaker Dewan Rakyat, disusuli pembentangan Belanjawan 2024.